

PERBEZAAN DI ANTARA MUSHAF-MUSHAF AL-QURAN: SOROTAN TERHADAP ASPEK ILMU *DHABT* AL-QURAN

DIFFERENCES BETWEEN QURAN COPIES (MUSHAF): HIGHLIGHTS ON ASPECTS OF *DHABT* OF QURAN

Abd Muhaimin bin Ahmad
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
E-mail: muhaimin@usim.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran al-Karim dibaca oleh umat Islam dengan bacaan *riwayat* mutawatirah yang berbeza-beza. Perbezaan dalam bacaan ini menuntut *percetakan al-Quran* yang berbeza selari dengan bacaan riwayat mutawatirah tersebut. Penelitian terhadap mushaf-mushaf ini, didapati ia bukan hanya berbeza pada sudut bacaan di antara riwayat-riwayat tersebut, namun turut berbeza pada beberapa aspek yang lain seperti rasm (tulisan), dhabt (tanda), fawasil (penentuan ayat), penentuan rub' dan hizb, serta hukum waqf dan ibtida'. Ketidakepekaan terhadap perbezaan dalam perkara ini boleh mengundang sangkaan bahawa terdapat kesilapan dan kesalahan di dalam *percetakan mushaf* al-Quran yang merupakan kitab suci umat Islam. Justeru objektif kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan yang terdapat di antara mushaf-mushaf al-Quran yang dicetak berdasarkan pelbagai riwayat dari sudut dhabt, seterusnya melakukan perbandingan dalam aspek tersebut di antara mushaf-mushaf. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metodologi pemerhatian, analisis dan perbandingan terhadap teks al-Quran dan kitab-kitab yang menjadi rujukan utama dalam bidang ilmu *dhabt al-Quran*. Di antara dapatan penting kajian ini adalah; terdapat perbezaan dalam aspek dhabt yang merangkumi perbezaan dalam nuqat al-i'rab dan juga nuqat al-i'jam, disebabkan perbezaan kaedah perletakan tanda antara mazhab *masyariqah* dan *magharibah*.

Kata kunci: Percetakan mushaf, Riwayat, Dhabt al-Quran, *Masyariqah*, *Magharibah*.

ABSTRACT

The Qur'ān is recited by Muslims using different variations. The differences in the recitation require a separate printing of the Qur'ān copies (mushafs) that match the recitation of each riwayat. Observation on these mushafs found that the differences occur not only in terms of reading variations but also in scripts (*rasm*), signs (*dhabt*), determination of verses (*fawasil*), determination of divisions (*tahzib*), as well as signs related to stop and continue recitation (*waqf*

and *ibtida'*). Insensitivity to these differences can cause a misperception that there are errors and mistakes in the mushaf, which is the holy book of Muslims. Thus, the objectives of this paper are to identify the differences between the mushafs in terms of the sign (*dhabt*) and make a comparison in the matter between the mushafs. This study utilised the qualitative method using observation, analysis and comparison on the mushafs of the Qur'an and books that are considered as main references in the science of *dhabt* of Qur'an. Among the important findings of this study are differences in the aspect of *dhabt*, which include differences in *nuqat al-i'jam* involving three letters namely *nun*, *fa* and *qaf*. Differences also occur in *nuqat al-i'rab*, including the signs of *dhammah*, *tanwin*, *sukun*, the signs of *idgham naqis*, *hamzah wasal* and *lam alif*. This matter occurs due to differences in sources and practices between the schools of *masyariqah* and *magharibah* in the placement of signs in the Qur'an. If the differences are unrecognised, they may lead to the presumption of errors in the printing of the Qur'an.

Keywords: Printing mushaf, *Riwayat*, *Dhabt Qur'an*, *Masyariqah*, *Magharibah*.

1. PENGENALAN

al-Quran al-Karim diturunkan dengan pelbagai bacaan yang *mutawatirah*. Kepelbagaian bacaan ini dirakamkan oleh banyak hadith berkaitan al-Ahruf al-Sab'ah. Di antara hadith tersebut adalah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn `Abbas RA:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((أَقْرَأَنِي جِبْرِيلُ عَلَيَّ حَرْفٍ فَرَجَعْتُهُ، فَلَمْ أَزَلْ أَسْتَزِيدُهُ وَيَزِيدُنِي حَتَّى انْتَهَى إِلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ)). (رواه البخاري ومسلم)

Bermaksud:

Telah bersabda Rasulullah SAW: “Jibril AS membacakan al-Quran kepadaku dengan satu huruf, lalu aku memintanya (tambahan). Aku terus meminta tambahan, dia pun memberiku tambahan hingga tujuh huruf.”¹ [Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Rentetan daripada itu, dapat dilihat pada hari ini bacaan-bacaan al-Quran yang *mutawatirah* tersebut dihimpunkan oleh para *qurra'* di dalam kitab-kitab mereka, sama ada ia merangkumi bacaan Qiraat Sepuluh atau Qiraat Tujuh atau sebahagian daripadanya.

Meskipun bacaan al-Quran yang paling masyhur di kalangan umat Islam di dunia ini adalah bacaan riwayat Hafs daripada `Asim, namun riwayat-riwayat lain masih lagi dibaca dan dipraktikkan oleh sebahagian umat Islam di beberapa buah negara. Riwayat Qalun daripada Nafi' dibaca oleh umat Islam di Libya dan sebahagian daerah di Tunisia dan Algeria. Riwayat

¹ al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (1422). *Sahih al-Bukhari*. Dar Thuq al-Najah, 184. Bab Unzila al-Quran `ala Sab'ah al-Ahruf. No. Hadith: 4991. Muslim bin al-Hajjaj (t.t). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi, 561. Bab Anna al-Qur'an Unzila `ala Sab'ah al-Ahruf. No. Hadith: 272.

Warsy daripada Nafi' pula dibaca oleh majoriti umat Islam di Tunisia, Algeria, Morocco, Mauritania, Chad, Cameroon, Nigeria dan beberapa buah negara lain di benua Afrika. Manakala riwayat Duri daripada Abi `Amr dibaca oleh sebahagian umat Islam di Sudan, Somalia dan Hadramawt di Yaman. Malahan semua riwayat-riwayat bacaan qiraat yang *mutawatirah* tersebut masih lagi dibaca keseluruhannya oleh para penuntut ilmu qiraat di seluruh dunia.²

Oleh itu, dapat kita lihat pada hari ini, al-Quran al-Karim dicetak dengan riwayat-riwayat bacaan yang berbeza bagi memenuhi keperluan pembaca al-Quran mengikut riwayat-riwayat tertentu. Mushaf-mushaf al-Quran ini tidak hanya berbeza pada perbezaan bacaan mengikut riwayat sesuatu qiraat sahaja, namun terdapat perbezaan-perbezaan lain meliputi aspek *rasm* (tulisan), *dhabt* (tanda), *fawasil* (penentuan ayat) al-Quran, penentuan *rub'* dan *hizb*, serta *waqf* dan *ibtida'*. Namun, kertas kerja ini hanya akan mengupas dan membincangkan perbezaan mushaf-mushaf daripada aspek *dhabt al-Quran*, iaitu aspek-aspek berkaitan peletakan tanda al-Quran sahaja.

2. DEFINISI *DHABT* DAN PERBEZAANNYA DI ANTARA MUSHAF-MUSHAF

Dari sudut bahasa, Ibn Manzur menjelaskan bahawa kalimah *dhabt* bermaksud: Memelihara sesuatu secara optimum.³ Manakala dari sudut istilah, ia bermaksud: Tanda-tanda khusus yang diberikan kepada huruf yang menunjukkan kepada baris-baris tertentu seperti *fathah*, *dhammah*, *kasrah*, *sukun*, *mad*, *tanwin*, *syiddah* atau selainnya. Ia juga merangkumi titik-titik yang diletakkan bagi membezakan di antara huruf-huruf *hija`iyyah*.⁴

Di dalam aspek *dhabt* (tanda) al-Quran, perbezaan yang berlaku secara umum adalah berdasarkan perbezaan bacaan di antara *qira`at* atau *riwayat* seperti tanda baris huruf, *imalah*, *taqlil*, *tashil*, *naqal*, *isymam*, *raum* dan sebagainya.

Namun terdapat perbezaan secara khusus yang wujud disebabkan perbezaan di antara mazhab *masyariqah* dan *magharibah*.⁵ Perbezaan dalam aspek *dhabt* ini melibatkan tanda berkaitan *Nuqat al-I'jam* dan juga *Nuqat al-I'rab* sebagaimana perincian berikut:

² Al-Qudhah, Muhammad Ahmad. Ahmad Khalid Syukri. Muhammad Khalid Mansur (2001). *Muqaddimat fi `Ilmi al-Qira`at*. Amman: Dar `Ammar, 63.

³ Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim (1414). *Lisan al-`Arab*. Beirut: Dar al-Sadir, 340.

⁴ Al-Dhabba'(t.t). *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dhabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Matba`ah al-Masyhad al-Husaini, 109.

⁵ Mazhab *magharibah* disandarkan kepada amalan dan pandangan ulama' Andalus dan wilayah sekitarnya. Manakala mazhab *masyariqah* pula merujuk kepada pandangan al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi dan para ulama' yang mendokong pandangan beliau daripada wilayah timur (*maysriq*). Dalam konteks percetakan mushaf pada hari ini, mushaf yang dicetak berdasarkan mazhab *magharibah* adalah mushaf riwayat Qalun dan Warsy daripada Nafi', manakala mushaf selainnya adalah berdasarkan mazhab *masyariqah*. Lihat: al-Tayyar, Sulaiman bin Nasir (2008). *Al-Muharrar fi `Ulum al-Qur`an*. Jeddah: Ma`had al-Imam al-Syatibi, 277-280.

1) Perbezaan pada Nuqat al-I'jam

Nuqat al-I'jam ialah tanda titik yang diletakkan bagi membezakan huruf-huruf *hijaiyyah* yang mempunyai bentuk *rasm* yang sama.⁶ Perbezaan yang berlaku di antara mushaf-mushaf dalam aspek *Nuqat al-I'jam* ini melibatkan peletakan titik bagi tiga (3) huruf sahaja, iaitu huruf nun (ن), fa (ف) dan juga qaf (ق).

Huruf Nun

Huruf *nun* pula di dalam mazhab *masyariqah* diberikan tanda satu titik di atas huruf dalam semua keadaan. Begitu juga di dalam mazhab *magharibah* ia diberikan satu titik juga, namun ia akan dibuang ketika huruf *nun* tunggal atau berada di hujung kalimat.⁷ Sebagai contoh:

وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ [البقرة: 8]

Huruf Fa

Huruf *fa* diberikan tanda satu titik di dalam kedua-dua mazhab, namun kedudukannya berbeza di antara keduanya. Mazhab *masyariqah* meletakkan titik *fa* di atas huruf tersebut, namun *magharibah* meletakkannya di bawah huruf, dan ia akan dibuang ketika huruf *fa* berada di hujung kalimat.⁸ Sebagai contoh:

إِلَيْهِمْ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ [قریش: 2]

Huruf Qaf

Manakala huruf *qaf* pula, di dalam mazhab *masyariqah* ia diberikan tanda dua titik di atas huruf dan ia dikekalkan di dalam semua keadaan. Namun di dalam mazhab *magharibah* ia diberikan satu titik di atas huruf tersebut, dan ia akan dibuang ketika huruf *qaf* berada di hujung kalimat.⁹

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْعَالَمِينَ [الفلق: 1]

⁶ al-Jarmi, Ibrahim Muhammad (2001). *Mu'jam 'Ulum al-Qur'an*. Dimasyq: Dar al-Qalam, 294.

⁷ al-Dani, 'Uthman bin Sa'id (1997). *al-Muhkam*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 36. Al-Dhabba' (t.t), *op.cit*, 116.

⁸ al-Dani, 'Uthman bin Sa'id. (1997), *op.cit*, 35-37. Al-Dhabba' (t.t), *op.cit*, 115. Lihat juga: al-Farmawi, 'Abd al-Hayy Husain (2004). *Rasm al-Mushaf wa Naqtuhu*. Beirut: Muassasah al-Rayyan, 304-305.

⁹ al-Dani, 'Uthman bin Sa'id (1997), *op.cit*, 35-37. Al-Dhabba' (t.t), *op.cit*, 115. Lihat juga: al-Farmawi, 'Abd al-Hayy Husain (2004), *op.cit*, 304-305.

2) Perbezaan pada Nuqat al-I'rab

Nuqat al-I'rab ialah tanda baris yang diletakkan pada sesuatu huruf merangkumi sama ada *fathah*, *kasrah*, *dhammah*, *tanwin*, *sukun*, *taysdid* (sabdu), tanda *mad* dan sebagainya.¹⁰ Perbezaan yang berlaku di antara mushaf-mushaf dalam aspek *Nuqat al-I'rab* ini melibatkan tujuh (7) perkara, iaitu:

Dhammah

Di dalam mushaf, baris *dhammah* (hadapan) diberikan tanda huruf *wau* kecil yang diletakkan di atas sesuatu huruf. Namun terdapat perbezaan dalam pengekalan kepala huruf *wau* kecil tersebut, apabila mazhab *masyariqah* mengekalkannya, manakala mazhab *magharibah* pula membuang kepala *wau* tersebut lalu ia menjadi seperti huruf *dal* yang bengkok. Perbandingan tanda tersebut dapat dilihat menerusi jadual berikut di dalam surah al-Baqarah ayat 7-8:



Mushaf al-Quran Riwayat Warsy daripada Nafi'	Mushaf al-Quran Riwayat Hafs daripada `Asim
	

Tanwin

Terdapat beberapa perbezaan di antara mazhab *masyariqah* dan *magharibah* berkaitan tanda tanwin:

1) Tanwin maftuhatan pada pada huruf alif

Perbezaan yang berlaku adalah dari sudut peletakan tanda *tanwin* tersebut di mana mazhab *masyariqah* meletakkan tanda tersebut di atas huruf sebelum *alif* seperti (مرضاً). Di dalam perkara ini, amalan *masyariqah* mengikut pandangan al-Farahidi dan Sibawaih. Manakala mazhab *Magharibah* pula meletakkan *tanwin maftuhatan* tersebut di atas huruf *alif* seperti (مرضاً), dan amalan mazhab *magharibah* ini adalah selari mengikut pandangan al-Dani dan Abu Daud.¹¹ Sebagai contoh di dalam surah al-Baqarah ayat 10:

Mushaf al-Quran Riwayat Warsy daripada Nafi'	Mushaf al-Quran Riwayat Hafs daripada `Asim
	

¹⁰ al-Jarmi, Ibrahim Muhammad (2001), *op.cit*, 295, dengan sedikit olahan.

¹¹ al-Dani, `Uthman bin Sa`id (1997), *op.cit*, 62. Abu Daud, Sulaiman bin Najah (1427). *Usul al-Dhabt*. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba`ati al-Mushaf al-Syarif, 21. al-Dhabba' (t.t), *op.cit*, 135-136. Muhammad Salim Muhaisin (1989). *Irsyad al-Talibin ila Dhabt al-Kitab al-Mubin*, 8.

2) Tanwin *Mutatabi'*

Tanda tanwin *mutatabi'* diletakkan pada huruf yang terdapat selepasnya huruf-huruf *idgham* dan juga *ikhfa'* sebagai isyarat kepada lafaz huruf yang berlaku dalam hukum-hukum tersebut adalah berhampiran.¹² Dua baris tanwin yang diletakkan salah satunya adalah mewakili tanda baris huruf, manakala yang kedua adalah tanda kepada tanwin.¹³


Menurut Dr. Syarsyal dalam komentarnya terhadap kitab *Usul al-Dhabt*, para ulama' Dhabt bersepakat bahawa dalam keadaan *marfu'* dan *mansub*, baris tanwin bawah, iaitu yang paling hampir kepada huruf adalah tanda baris huruf tersebut, manakala baris yang di atasnya adalah tanda bagi tanwin. Dalam keadaan *majrur* pula, baris tanwin yang di atas, iaitu yang berada paling hampir kepada huruf adalah baris huruf, manakala baris yang di bawah merupakan tanda kepada tanwin.¹⁴

Di dalam mushaf *magharibah* (riwayat Qalun dan Warys), penandaan tanwin *mutatabi'* diletakkan dengan mendahulukan penulisan tanda baris huruf dan menghampirkan tanda baris tanwin kepada huruf *idgham* dan *ikhfa'* sebagai menterjemahkan isyarat hampirnya sebutan tanwin kepada huruf selepasnya secara lafaz.

Amalan yang sebaliknya dipraktikkan di dalam penulisan terdahulu mushaf *masyariqah* dengan menghampirkan tanda baris huruf kepada huruf *idgham* dan *ikhfa'* dan menjauhkan tanda tanwin daripada huruf-huruf tersebut. Lantaran itu, Dr. Syarsyal memberikan kritikan bahawa amalan mazhab *masyariqah* ini dilihat bertentangan dengan objektif perletakan tanwin *mutatabi'* yang bertujuan memberikan isyarat hampirnya tanwin dengan huruf-huruf *idgham* dan *ikhfa'* ketika dilafazkan.

Namun, dalam percetakan terkini mushaf *masyariqah* (mushaf al-Quran dengan riwayat Hafs daripada 'Asim) oleh Mujamma' al-Malik Fahd di Madinah al-Munawwarah, perkara ini telah ditambah baik dengan menjadikan penulisan tanwin *mutatabi'* sebagaimana amalan mushaf *magharibah*.¹⁵

Berikut adalah perbandingan di antara mushaf *magharibah* dan mushaf *masyariqah* cetakan terdahulu dan terkini dalam isu perletakan tanda tanwin *mutatabi'* di dalam surah al-Nisa' ayat 4:

Mushaf al-Quran Riwayat Warsy daripada Nafi'	
---	--

¹² Ahmad Khalid Syukri et al. (t.t). *Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid*. Amman: al-Jam'iyah al-Muhafazah 'ala al-Qur'an al-Karim, 50-54.

¹³ Abu Daud (1427), *op.cit*, 14.



¹⁴ Lihat komentar Syarsyal pada nota kaki kitab *Usul al-Dhabt*, 15-17.

¹⁵ Lihat: <https://qurancomplex.gov.sa/en/kfgqpc-quran-hafs-standard/> (Diakses pada 5 September 2021). Menurut catatan di akhir mushaf ini, ia dicetak pada tahun 1439H/2016.

Mushaf al-Quran Riwayat Hafs daripada `Asim Cetakan Terdahulu	
Mushaf al-Quran Riwayat Hafs daripada `Asim Cetakan Terkini	

Sukun

Mazhab *masyariqah* memberikan *sukun* (baris mati) dengan tanda kepala huruf *kha* (خ) yang merujuk kepada kalimah (خفيف), atau huruf *ha* (ح) yang merujuk kepada kalimah (استرح), atau huruf *jim* (ج) yang merujuk kepada kalimah (جزم). Manakala mazhab *magharibah* pula memberikannya tanda bulat yang kosong di tengahnya merujuk kepada nombor sifir yang tiada bilangannya.¹⁶ Contoh perbandingan dua tanda tersebut di dalam surah al-Fatihah ayat 4 adalah sebagaimana berikut:

Mushaf al-Quran Riwayat Warsy daripada Nafi'	Mushaf al-Quran Riwayat Hafs daripada `Asim
	

Tanda Idgham Naqis

Perbezaan yang berlaku di antara mazhab *masyariqah* dan *magharibah* dalam perkara ini adalah berkaitan tanda bagi hukum *idham naqis* yang berlaku pada *nun sakinah* dan tanwin selepasnya huruf *wau* dan *ya*, dan juga *idgham naqis* yang berlaku pada pertemuan huruf *to sakinah* dan huruf *ta* pada kalimah (بسطت), (فرطتم), (أحطت) dan (فرطت). [al-Maidah: 28, Yusuf: 80, al-Naml:22 dan al-Zumar:56]

Di dalam mushaf *masyariqah*, bagi *idham naqis* pada *nun sakinah* dan tanwin yang selepasnya terdapat huruf *wau* dan *ya*, huruf *nun sakinah* tersebut tidak diberikan tanda *sukun* dan sekiranya tanwin pula ia ditulis secara tidak selari (*tanwin mutatabi'*). Huruf *wau* dan *ya* selepasnya pula hanya diberikan baris huruf tanpa diberikan tanda sabdu. Manakala bagi *idgham naqis* yang berlaku pada pertemuan huruf *to sakinah* dan huruf *ta*, huruf *to* tidak

¹⁶ al-Dhabba' (t.t), *op.cit*, 138. Muhammad Salim Muhaisin (1989), *op.cit*, 15. Lihat juga: Abu Daud (1427), *op.cit*, 45. al-Tanasi, Muhammad bin Abdullah (1420). *Al-Tiraz fi Syarh Dhahab al-Kharraz*. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Syarif.

diberikan tanda *sukun* dan huruf *ta* selepasnya pula hanya diberikan baris huruf tanpa diberikan tanda sabdu sebagai tanda *idgham* yang berlaku adalah tidak sempurna (*naqis*).

Sebaliknya di sisi *magharibah*, huruf *nun sakinah* tersebut diberikan tanda *sukun* dan sekiranya tanwin pula ia ditulis secara tidak selari (*tanwin mutatabi'*). Huruf *wau* dan *ya* selepasnya pula diberikan baris huruf dan juga tanda sabdu. Manakala bagi *idgham naqis* yang berlaku pada pertemuan huruf *to sakinah* dan huruf *ta*, huruf *to* diberikan tanda *sukun* dan huruf *ta* selepasnya pula diberikan baris huruf dan juga tanda sabdu. Di sisi mazhab ini, perletakan tanda *sukun* pada huruf *nun sakinah* atau huruf *tho* beserta sabdu menunjukkan bahawa *idgham* tersebut adalah *naqis*.¹⁷ Contoh perbandingan di dalam surah al-Kahfi ayat 20 dan surah Yusuf ayat 80 adalah sebagaimana berikut:

Mushaf al-Quran Riwayat Warsy daripada Nafi'	Mushaf al-Quran Riwayat Hafs daripada `Asim
إِنَّهُمْ إِنْ يَظْهَرُوا عَلَيْكُمْ	إِنَّهُمْ إِنْ يَظْهَرُوا عَلَيْكُمْ
مَا فَرَّطْتُمْ	مَا فَرَّطْتُمْ

Meletakkan Baris Pada Huruf *al-Muqatta`ah*

Dalam perkara ini, jumhur ulama' menyatakan bahawa huruf *al-Muqatta`ah* tidak perlu diberikan tanda *mad* kerana tiada sebarang periwayatan nas peletakannya daripada ulama' terdahulu. Manakala sebahagian mereka berpandangan bahawa bahawa perlu diletakkan tanda *mad* tersebut bagi meraikan lafaz bacaan panjang pada huruf *al-Muqatta`ah* meskipun huruf-huruf tersebut ditulis secara ringkas tanpa sebarang huruf *mad*.¹⁸



Mazhab *masyariqah* dilihat berpegang kepada pendapat kepada kedua, iaitu dengan meletakkan tanda *mad* sahaja pada huruf *al-Muqatta`ah*, tanpa meletakkan baris yang lain sama ada *fathah*, *kasrah* dan *dhammah* pada huruf-huruf tersebut.

Manakala mazhab *magharibah* pula, mereka meletakkan tanda baris bagi setiap huruf termasuklah *al-huruf al-muqatta`ah*, lantaran itu ia diberikan baris pada huruf-huruf tersebut

¹⁷ al-Dani (1997), *op.cit.*, 80. Abu Daud (1427), *op.cit.*, 80-84 & 103-105. al-Tanasi (1420). *op.cit.*, 143-144. Al-Dhabba' (t.t), *op.cit.*, 133 dan 149. Muhammad Salim Muhaisin (1989), *op.cit.*, 13-14.

¹⁸ Di antara ulama' yang berpandangan bahawa huruf *al-muqatta`ah* tidak perlu diberikan tanda *mad* ialah al-Tanasi, al-Dhabba' dan Dr. Syarsyal. Manakala antara ulama' yang berpandangan huruf-huruf tersebut perlu diberikan tanda *mad* ialah al-Qaisi, Maimun al-Fakkhar dan Ibn al-Qadhi. Lihat: al-Tanasi (1420), *op.cit.*, 122-124. Al-Dhabba' (t.t), *op.cit.*, 87. Lihat juga: Komentor Dr. Syarsyal mengenai perkara ini di dalam kitab *al-Tiraz* karangan al-Tanasi.

sama ada *fathah*, *kasrah* dan *dhammah*, di samping tanda *mad* dan juga tanda *syiddah*.¹⁹ Mazhab *magharibah* dilihat berpegang kepada pendapat umum al-Dani yang menyatakan bahawa *al-Huruf al-Muqatta`ah* di awal surah perlu diberikan tanda dan pendapat tersebut disokong oleh al-Marighni.²⁰ Berikut adalah contoh perbandingan di antara dua mushaf dalam surah al-Baqarah ayat 1 seperti berikut:

Mushaf al-Quran Riwayat Qalun daripada Nafi'	Mushaf al-Quran Riwayat Hafs daripada `Asim
	

Hamzah Wasal

Hamzah *wasal* ialah huruf *alif za`idah* yang dilafazkan ketika bacaan *ibtida`* sahaja dan digugurkan lafaznya ketika bacaan *wasal*, serta ia kekal dalam bentuk penulisan.²¹ Perbezaan berkaitan *hamzah wasal* di antara mazhab *masyariqah* dan *magharibah* berkisar berkenaan tanda huruf ini dan juga tanda yang diletakkan bagi memulakan bacaan (*ibtida`*) padanya.

1) Tanda *hamzah wasal*

Sebahagian mazhab *masyariqah* menggunakan tanda huruf *dal* yang diterbalikkan (^) dan ia diletakkan di atas *hamzah wasal* sebagai tanda huruf tersebut digugurkan sebutannya ketika bacaan *wasal*. Manakala sebahagian mazhab *masyariqah* yang lain pula meletakkan kepala huruf *sad* kecil (س) dan ia merupakan tanda yang digunakan dalam percetakan al-Quran pada hari ini.

Manakala mazhab *magharibah*, mereka memberikan huruf ini tanda *jarrah* (جرّة) atau *silah*, iaitu tanda baris seperti (-) dan ia diletakkan mengikut baris huruf sebelum *hamzah wasal*. Sekiranya huruf sebelum berbaris atas, maka tanda *jarrah* akan diletakkan di atas *hamzah wasal*. Sekiranya huruf sebelum berbaris bawah, maka tanda *jarrah* akan diletakkan di bawah *hamzah wasal*. Sekiranya sebelumnya berbaris depan, maka tanda *jarrah* akan diletakkan di pertengahan *hamzah wasal*.²²

Contoh yang menjelaskan perbandingan di antara mazhab *masyariqah* dan *magharibah* berkaitan dua tanda ini di dalam surah al-Baqarah ayat 24&5 dan surah al-Fatihah ayat 2 adalah seperti berikut:

¹⁹ Muhammad Salim Muhaisin (1989), *op.cit*, 7-8.

²⁰ al-Dani (1997), *op.cit*, 220. al-Marighni (1995), *op.cit*, 202.

²¹ al-Jarmi, Ibrahim Muhammad (2001). *op.cit*, 310.

²² al-Dani (1997), *op.cit*, 84-85. Abu Daud (1427), *op.cit*, 58-66. al-Tanasi (1420), *op.cit*, 229-234. Al-Dhabba' (t.t), *op.cit*, 162. Muhammad Salim Muhaisin (1989), *op.cit*, 29.

Baris Sebelum	Mushaf al-Quran Riwayat Warsy daripada Nafi'	Mushaf al-Quran Riwayat Hafs daripada `Asim
Fathah	وَقُودَهَا النَّاسُ	وَقُودَهَا النَّاسُ
Kasrah	رَبِّ الْعَالَمِينَ	رَبِّ الْعَالَمِينَ
Dhammah	هُمْ الْمُفْلِحُونَ	هُمْ الْمُفْلِحُونَ

2) Tanda *ibtida'* pada *hamzah wasal*

Mazhab *masyariqah* tidak memberikan sebarang tanda bagi menunjukkan kaedah *ibtida'* pada *hamzah wasal* kerana di sisi mereka peletakan tanda dan baris adalah dibina di atas bacaan *wasal*.

Manakala mazhab *magharibah* mereka meletakkan tanda titik bulat (*nuqtah*) bagi menunjukkan bacaan *ibtida'* pada huruf ini. Ia diletakkan di atas *hamzah wasal* sekiranya *ibtida'* padanya dengan baris atas (*fathah*), dan diletakkan di bawahnya sekiranya *ibtida'* padanya dengan baris bawah (*kasrah*). Sekiranya *ibtida'* dengan baris depan (*dhammah*), maka tanda titik ini akan diletak di hadapan *hamzah wasal*.²³ Contoh yang menjelaskan perletakan tanda titik bulat (*nuqtah*) pada mazhab *magharibah* di dalam surah al-Baqarah ayat 24&21 dan surah al-Taubah ayat 41 adalah seperti berikut:

Baris Ketika Ibtida'	Mushaf al-Quran Riwayat Warsy daripada Nafi'	Mushaf al-Quran Riwayat Hafs daripada `Asim
Fathah	وَقُودَهَا النَّاسُ	وَقُودَهَا النَّاسُ
Kasrah	إِنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا	إِنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا
Dhammah	اعْبُدُوا رَبَّكُمْ	اعْبُدُوا رَبَّكُمْ

²³ al-Dani (1997), *op.cit*, 84-85. Abu Daud (1427), *op.cit*, 58-66. al-Tanasi (1420), *op.cit*, 229-234. al-Dhabba' (t.t), *op.cit*, 162. Muhammad Salim Muhaisin (1989), *op.cit*, 29.





Huruf Lam Alif

Kalimah *lam alif* (لا) terdiri daripada dua huruf iaitu huruf *lam* dan juga *alif*. Terdapat perbezaan di antara *masyariqah* dan *magharibah* dalam menentukan kedudukan *alif* dan *lam* dalam penulisan huruf ini.

Perbezaan ini berpunca daripada khilaf yang berlaku di antara al-Khalil al-Farahidi dan juga al-Akhfasy al-Wast dalam menentukan kedudukan *lam* dan juga *alif* pada dua penghujung huruf. Al-Khalil berpendapat bahawa hujung pertama adalah huruf *alif*, manakala hujung kedua adalah huruf *lam*, dan pendapat ini disokong oleh beberapa ulama' seperti al-Dani, al-Kharraz dan al-Marighni. Manakala al-Akhfasy berpendapat sebaliknya dan pendapat beliau disokong oleh al-Ja'bari dan al-Tanasi.²⁴ Perbezaan dalam perkara ini turut merangkumi huruf *hamzah* yang bersandar kepada huruf *lam* (لا).

Mazhab *masyariqah* berpegang kepada pendapat al-Akhfasy, manakala *magharibah* pula berpegang kepada pendapat al-Khalil al-Farahidi. Rentetan daripada ini, peletakan baris di dalam mushaf bagi huruf *lam* adalah mengikut pegangan yang berbeza ini. Sebagai contoh, di dalam mushaf riwayat Hafs daripada `Asim, baris huruf *lam* diletakkan di atas hujung yang kedua, manakala di dalam mushaf riwayat Warsy daripada Nafi' ia diletakkan pada hujung yang pertama.

Sekiranya huruf *alif* dibuang (*hazaf*) selepas *lam*, di dalam mazhab *masyariqah* tanda *alif* kecil akan diletakkan selepas huruf *lam*. Namun di dalam mazhab *magharibah* huruf *alif mahzubah* tersebut akan ditulis secara sedikit melintang pada huruf *lam* sebagai tanda bahawa hujung pertama adalah huruf *alif* pada pandangan mereka. Berikut adalah contoh yang menjelaskan perbezaan di antara *masyariqah* dan *magharibah* di dalam surah al-Baqarah ayat 12:

Mushaf al-Quran Riwayat Qalun daripada Nafi'	Mushaf al-Quran Riwayat Hafs daripada `Asim
	
	

²⁴ al-Dani. (t.t). *Kitab al-Naqt* (Dicetak bersama *al-Muqni*). Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, 145-146. al-Dani (1997), *op.cit*, 255. Abu Daud (1427), *op.cit*, 252-253. al-Tanasi (1420), *op.cit*, 429-437. Al-Marighni (1995), *op.cit*, 269-271. al-Dhabba' (t.t), *op.cit*, 173. Muhammad Salim Muhaisin (1989), *op.cit*, 41. Pendapat al-Akhfasy ini juga dipilih oleh Dr. Syarsyal dalam komentar beliau terhadap kitab *Usul al-Dhab* karangan Abu Daud dan kitab *al-Tiraz* karangan al-Tanasi.

3. PENUTUP

Berdasarkan kajian ringkas ini, dapat disimpulkan bahawa perbezaan yang berlaku di antara mushaf-mushaf al-Quran di dalam aspek *dhabt* adalah disebabkan perbezaan yang wujud di antara bacaan *qiraat* atau *riwayat mutawatirah* dan disebabkan perbezaan yang berlaku di antara mazhab *masyariqah* dan juga *magharibah* yang menjadi sandaran dan pegangan yang berbeza bagi sesuatu *qiraat* dan *riwayat*. Perbezaan yang berlaku merangkumi tanda berkaitan *nuqat al-i'jam* dan ia melibatkan perletakan titik bagi tiga (3) huruf sahaja, iaitu huruf nun (ن), fa (ف) dan juga qaf (ق). Perbezaan juga berlaku dalam aspek *nuqat al-i'rab*, melibatkan tujuh (7) perkara iaitu berkaitan tanda *dhammah*, tanwin, sukun, *idgham naqis*, huruf *muqatta'ah*, hamzah *wasal* dan huruf *lam alif* (لأ). Sekiranya perbezaan yang berlaku di antara mushaf-mushaf ini tidak dimaklumi -sama ada perbezaan dari sudut *rasm* atau *dhabt*- ia boleh membawa kepada sangkaan wujudnya kesalahan dalam cetakan al-Quran.

REFERENCES

- [1] `Abd al-Hayy Husain (2004). *Rasm al-Mushaf wa Naqtuhu*. Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- [2] Abu Daud, Sulaiman bin Najah (1427). *Usul al-Dhabt*. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba`ati al-Mushaf al-Syarif.
- [3] Ahmad Khalid Syukri et al. (t.t). *Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid*. Amman: al-Jam`iyyah al-Muhafazah `ala al-Qur`an al-Karim.
- [4] al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (1422). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Thuq al-Najah.
- [5] al-Dani, `Uthman bin Sa`id (1997). *al-Muhkam*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu`asir.
- [6] al-Dani, `Uthman bin Sa`id (t.t). *al-Muqni' fi Rasm Masahif al-Amsar*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- [7] Al-Dani, `Uthman bin Sa`id (t.t). *Kitab al-Naqt* (Dicetak bersama *al-Muqni'*). Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- [8] al-Dhabba', Muhammad `Ali (t.t). *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dhabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Matba`ah al-Masyhad al-Husaini.
- [9] al-Jarmi, Ibrahim Muhammad (2001). *Mu'jam `Ulum al-Qur`an*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- [10] al-Marighni, Ibrahim Ahmad (1995). *Dalil al-Hairan `ala Mawarid al-Zam`an*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

- [11] al-Qudhah, Muhammad Ahmad. Ahmad Khalid Syukri. Muhammad Khalid Mansur (2001). *Muqaddimat fi `Ilmi al-Qira`at*. Amman: Dar `Ammar.
- [12] al-Tayyar, Sulaiman bin Nasir (2008). *Al-Muharrar fi `Ulum al-Qur`an*. Jeddah: Ma`had al-Imam al-Syatibi.
- [13] Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad (2004). *Al-Nasyr fi al-Qira`at al-`Asyar*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- [14] Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad (2004). *Tahbir al-Taisir fi Qira`at al-A`immah al-`Asyar*. Tanta: Dar al-Sahabah.
- [15] Ibn al-Qasih, `Ali bin `Uthman (1977). *Syarh Talkhis al-Fawa`id wa Taqrib al-Mutaba`id `Ala `Aqilah Atrab al-Qasa`id*. Kaherah: al-Idarah al-`Ammah li al-Ma`ahid al-Azhariyyah.
- [16] Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim (1414). *Lisan al-`Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- [17] Muhammad Salim Muhaisin (1989). *Irsyad al-Talibin ila Dhabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- [18] *Mushaf al-Quran Wafqa Riwayah Qalun `an Nafi` (1427)*. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba`ah al-Mushaf al-Syarif.
- [19] *Mushaf al-Quran Wafqa Riwayah Warsy `an Nafi` (1426)*. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba`ah al-Mushaf al-Syarif.
- [20] Muslim bin al-Hajjaj (t.t). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi.